

Newspaper	Berita Harian
Date	10/8/2014



Datuk Hamzah Abdullah
- 1949-1949



Raja Tun Uda Al-Haj
Raja Muhammad - 1949-1953



Datuk Othman Mohamad
- 1953-1954



Tun Abdul Aziz Abdul Majid
- 1955-1956



Muhammad Ismail Abdul Latiff
- 1956-1958



Tan Sri Abdul Jamil Abdul Rais
- 1958-1959



Datuk Abu Bakar Baginda
- 1959-1964



Datuk Seri Harun Idris
- 1964-1976



Datuk Hormat Rafiei
- 1976-1982



Tan Sri Ahmad Razali Mohd Ali
- 1982-1986



Tan Sri Muhammad
Muhammad Taib - 1986-1997



Tan Sri Abu Hassan Omar
- 1997-2000



Dr Mohamed Khir Toyo
- 2000-2008



Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim
- Mac 2008 - kini

Badi Menteri Besar Selangor

» Harun mangsa 'malapetaka' pertama selepas dipecat kerana tuduhan rasuah

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
hifzuddin@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Badi jawatan Menteri Besar Selangor dijangka berterusan apabila PKR memecat keahlian Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim daripada parti itu, berkuat kuasa semalam.

Jawatan eksekutif tertinggi negeri berkenaan diketahui mempunyai 'malapetaka' tersendiri. Malah kebanyakan menteri besar terdahulu diketahui tidak memegang kedudukan itu lama akibat pelbagai campur tangan politik.

Menteri Besar kelapan, Allahyarham Datuk Seri Harun Idris menjadi mangsa 'badi' pertama apabila dipecat daripada UMNO pada tahun 1976 berikutan pelbagai tuduhan rasuah ke atasnya.

Beliau yang memegang jawatan berkenaan hampir 12 tahun, iaitu mulai tahun 1964 didapati bersalah oleh mahkamah pada tahun 1977 dan dijatuhkan hukuman penjara enam tahun sebelum dibebaskan pada tahun

1981, selepas mendapat pengampunan daripada Lembaga Pengampunan.

Sejarah turut menyaksikan Menteri Besar Ke-10, Allahyarham Tan Sri Ahmad Razali Mohd Ali, memegang jawatan itu bagi tempoh sepenggal iaitu antara tahun 1982 hingga 1986, sebelum berundur akibat tekanan politik yang menyaksikan beliau pernah dibaling kerusi pada mesyuarat UMNO di Dewan Kampung Pandan.

Pengaruh kuat

Mengantikan Ahmad Razali adalah Tan Sri Muhammad Muhammad Taib, yang diketahui mempunyai pengaruh kuat dalam UMNO sehingga menyaksikan beliau bertahan selama hampir 11 tahun di kerusi panas itu sebelum

terpalit badi sama.

Kes Muhammad atau lebih popular dengan panggilan 'Mat Taib' agak berbeza apabila beliau didakwa di Mahkamah Australia kerana gagal mengisytiharkan sejumlah RM3.8 juta masuk ke negara itu, tetapi beliau dibebaskan daripada tuduhan itu. Beliau kemudian meletak jawatan pada tahun 1997.

Ketika itu, UMNO terpaksa membawa Tan Sri Abu Hassan Omar yang pada masa itu menjadi Menteri Persekutuan melalui pertukaran kerusi pada Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang bagi membolehkan beliau dilantik menjadi Menteri Besar Ke-12.

Nasib bagaimanapun sekali lagi tidak memihak kepada Abu

Hassan apabila beliau berdepan tekanan politik yang mengaitkannya dengan skandal seks, walaupun gagal dibuktikan sehingga kini, menyebabkannya terpaksa berundur pada tahun 2000.

Pemimpin muda

Seorang pemimpin muda, Dr Mohamed Khir Toyo kemudian muncul sebagai Menteri Besar Selangor Ke-13, yang diangkat bagi mengukuhkan kembali kedudukan UMNO, namun gagal bertahan dalam gelombang politik menyebabkannya tersungkur pada Pilihan Raya Umum (PRU) 2008, yang menyaksikan Barisan Nasional (BN) tewas di negeri berkenaan. Mohamed Khir juga terpalit dengan kes rasuah.

Kini, teori badi Menteri Besar Selangor semakin menghampiri Abdul Khalid, melengkapkan rekod bahawa tidak ramai tokoh mampu bertahan untuk menduduki 'kerusi panas' yang sentiasa membawa musibah.